



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**19 OKTOBER 2022 (RABU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**19 OKTOBER 2022 (RABU)**

## Lapan barang ter senarai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali

**Putrajaya:** Kerajaan akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali (SHMPD) 2022 berkuatkuasa dari 20 Oktober hingga 26 Oktober ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof berkata, tempoh pelaksanaan itu selama tujuh hari dan berkuat kuasa empat hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan.

Menurutnya, pada masa sama, ayam dan telur ayam disambung pewartaannya sebagai barang harga terkawal dan sedang berkuatkuasa bermula 12 Oktober lalu.

Katanya, antara jenis barang harga terkawal bagi pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam adalah seperti ayam hidup dan ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati

dan hempedal atau mana-mana bahagiannya).

"Barangan terkawal lain adalah ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)," katanya, semalam.

Azman berkata, bagi telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebijinya), telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebijinya) dan telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebijinya).

Menurutnya, lapan jenis barang harga terkawal berserta harga maksimum akan diwartakan bagi pelaksanaan SHMMPD.

Katanya, senarai barang harga terkawal SHMMPD adalah seperti daging kambing biri-biri import bertulang, tomato, cili merah, kelapa biji (harga maksimum di peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum di peringkat runcit sahaja), bawang merah kecil (India), bawang merah besar import dan kacang dal (Australia).

IN PENANG, KEDAH AND PERAK

## 'LOOK INTO PACKET COOKING OIL SHORTAGE'

B40 group finding it hard to get them ahead of Deepavali, says CAP

AUDREY DERMAWAN  
GEORGE TOWN  
news@nst.com.my

INDIAN consumers from the B40 group have lamented on the difficulties in getting packets of cooking oil ahead of Deepavali.

They claimed the issue had been going on for the past few weeks.

Among the areas affected are Bayan Baru and Little India here. They had made known their plight to the Consumers' Association of Penang (CAP).

CAP education officer N.V. Subbarow urged the Domestic, Trade and Consumer Affairs Ministry to



An employee arranging subsidised cooking oil packets on the shelf at a hypermarket in Kuala Terengganu in July. FILE PIC

tackle the shortage of subsidised packets of cooking oil in the market this month.

"Over the past few weeks, many Indian shoppers faced problems in getting packets of cooking oil to make Deepavali cookies. They complained to CAP that they are unable to buy a packet from the shops due to a dearth of supply.

"In a CAP survey, many shops told us that the cooking oil pack-

ets, once they arrived on a Monday, would finish within a day because of the huge demand ahead of Deepavali.

"There is not enough supply in the market to sell," he said yesterday.

Subbarow said the issue was not just happening in Penang but also in neighbouring Kulim, Kedah and Teluk Intan, Perak.

He said this was the time for the

ministry to increase the supply because many Indian families would use subsidised packet cooking oil during the Deepavali season.

"It (the shortage of packets of cooking oil) is happening everywhere. CAP urges the ministry to increase the supply of packets of cooking oil nationwide.

"It will benefit the lower-income (B40) group," he added.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi was reported as saying on Monday that the supply of chicken, cooking oil and other items were "satisfactory" for the upcoming Deepavali celebration.

The prices of these items were in line with the maximum prices set by the government, he said, adding that the list of items and prices under the Deepavali Festive Season Price Control Scheme and control period would be announced later.

Penang Domestic Trade and

Consumer Affairs Ministry chief enforcement officer A. Mogan said there was no shortage of cooking oil at the moment.

"I will ask my officers at the northeast district to check on the complaints.

"So far there is no shortage of cooking oil in Penang," he said.

Early this month, the government had announced the new retail prices for cooking oil effective from Oct 8 until Nov 7.

Nanta said this was following the government's commitment to address the rising prices of 1kg to 5kg cooking oil bottles.

He said the retail price for the 1kg bottle would be RM7.10, 2kg RM13.50, 3kg RM19.90 and 5kg RM31.50.

"Action will taken and penalties will be issued to those who sell the cooking oil beyond the maximum prices. An individual can be fined up to RM100,000 or imprisoned not more than three years or both, while companies can be fined up to RM500,000."

+

## Seleweng diesel bersubsidi: Dua lelaki ditahan

**BUKIT MERTAJAM:** Tidak berbaloi. Itu yang berlaku kepada seorang pemandu lori apabila dia ditahan pada hari pertama bekerja dalam operasi penguatkuasaan oleh Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Pulau Pinang, di Jalan Baru, di sini kira-kira pukul 3.45 petang semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa PPDNHEP negeri, A. Mogan berkata, lelaki itu ditahan selepas dipercaya terlibat menyeludup diesel bersubsidi hasil risikan serta maklumat awam yang diterima pihaknya.

Menurut beliau, ketika ditahan lelaki warga tempatan berusia 40-an itu baru sahaja selesai mengisi diesel di dua buah stesen minyak berasingan.

Mogan berkata, lelaki yang menerima upah sebanyak RM150 sehari untuk melakukan kerja tersebut turut merayu dan menangis meminta dibebaskan atas alasan terpaksa bekerja untuk menanggung empat anaknya selain menyesal di atas perbuatan berkenaan.

"Siasatan lanjut mendapati, terdapat kira-kira 800 liter minyak diesel dalam dua tangki simpanan berkapasiti 2,000 liter yang telah diubah suai di atas lori berjenama Toyota seberat satu tan yang dipandu lelaki itu.

"Nilai keseluruhan rampasan dan sitaan dianggaran RM11,520," katanya kepada pemberita di Kompleks Penyimpanan Stor Eksibit PPDNHEP Pulau Pinang, Bukit Mi-

nyak, di sini hari ini. Terdahulu katanya, satu serbuan berasingan turut dilakukan kira-kira pukul 9 pagi hari yang sama oleh sepasukan empat pegawai penguat kuasa PPDNHEP negeri di sebuah stesen minyak di Auto City Juru, di sini.

Ujar Mogan, dalam serbuan itu seorang lelaki warga emas ditahan bersama sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton yang mempunyai dua tangki simpanan fiber diubah suai berkapasiti 550 liter dipercaya miliknya sendiri.

Kata beliau, pemeriksaan lanjut kemudian menjumpai kira-kira 380 liter diesel di dalam kedua-dua tangki simpanan terbabit yang masing-masing berada di bahagian tempat duduk belakang serta tempat mengisi barang di atas kenderaan berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati, lelaki berusia 60-an itu bergerak solo dan terlibat dengan kegiatan tersebut sejak enam bulan lalu. Jumlah keseluruhan rampasan dan sitaan mencecah RM41,060," jelas beliau.

HARI : RABU  
TARIKH : 19/10/2022  
M/SURAT : 10

## Taktik licik warga emas curi diesel dalam pikap terbongkar

**Bukit Mertajam:** Kegiatan seorang lelaki warga emas yang menyara hidup dengan melakukan aktiviti penyelewengan diesel terbongkar selepas dia ditahan di stesen minyak di Auto City, Juru, di sini, pagi kelmarin.

Lelaki berusia 60-an itu ditahan jam 9 pagi ketika dia leka mengisi diesel dalam trak pikap Mitsubishi Triton miliknya yang diubah suai.

Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, A Mogan berkata, sepasukan pegawai penguatkuasa menghampiri lelaki terbabit selepas mendapati kelakuannya mencurigakan.

"Ketika mendekati suspek, kami temui dua tempat mengisi minyak dan permen-

riksaan menjumpai tangki simpanan fiber berkapasiti 550 liter (l) di ruangan tempat duduk penumpang belakang dan ruang barang diubah suai.

"Siasatan mendapati suspek mengubah suai sendiri kenderaan itu dengan kos RM2,500. Dia mengisi 380 liter minyak diesel bernilai RM760 ke dalam tangki berkenaan," katanya pada sidang media di Stor Penyimpanan Eksibit KPDNHEP di Bukit Minyak di sini, semalam.

Jelasnya, hasil soal siasat turut memaklumkan bahawa dia menjalankan kegiatan itu sendirian sebagai pendapatan tetap untuk me-

nyara hidup.

"Suspek mengaku bahawa dia menjalankan kegiatan ini sejak dua bulan lalu, namun risikan mendapati dia dipercayai terbabit lebih daripada enam bulan.

"Modus operandi digunakan suspek adalah bergerak dari stesen minyak ke stesen minyak lain di negeri ini memandangkan terdapat had pembelian."

"Selepas mengisi penuh, suspek meletakkan kenderaan itu di satu tempat di tepi jalan sebelum datang individu tidak dikenali yang mengambil kenderaan berkenaan bersama minyak diesel yang siap dilihi," katanya.

**“Suspek ubah suai sendiri kenderaan itu dengan kos RM2,500”**  
Mogan



MOGAN menunjukkan bahagian tempat duduk penumpang kenderaan pacuan empat roda diubah suai bagi meletakkan tangki berisi diesel - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

**Bukit Mertajam:** Terdesak memerlukan wang menyebabkan seorang bapa kepada empat anak sanggup mengambil upah untuk menyelweng minyak diesel.

Bagaimanapun, nasib tidak menyelahi lelaki berusia 40-an itu apabila perbuatan yang baharu sahaja kali pertama dilakukannya terbongkar selepas dia ditahan di sebuah stesen minyak di Jalan Baru, di sini, jam 3.45 petang kelmarin.


Ketika ditahan suspek leka mengisi diesel dalam sebuah lori tanpa menyedari kehadiran penguat kuasa.

Timbalan Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang A Mohan berkata, pemeriksaan ke atas lori dipandu suspek mendapat dia mengisi kira-kira 800 liter diesel bernilai RM1,720 dalam dua tangki berkapasiti 2,000 liter yang diubah suai.

"Modus operandi digunakan sama seperti sindiket sebelum ini yang kami dapat mula tumbuh seperti cendawan.

"Soal siasat mendapat suspek baharu hari pertama menjalankan kegiatan itu kerana terdesak untuk mencari wang kerana dia baharu kehilangan kerja.

"Untuk tugasan ini, dia dibekalkan dengan wang sebanyak RM1,500 untuk mengisi minyak diesel di beberapa stesen mi-



MOGAN menunjukkan lori satu tan yang diubah suai mempunyai dua tangki berisi diesel ketika sidang media di Kompleks Penyimpanan Stor Eksibit KPDNHEP Pulau Pinang di Bukit Minyak. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

## ***Bapa terdesak seleweng diesel***

nyak dan akan menerima upah sebanyak RM150," katanya pada sidang media di Stor Penyimpanan Eksibit KPD-

NHEP di Bukit Minyak di sini, semalam.

Jelasnya, pihaknya menyata 800 liter minyak diesel bersama lori satu tan, dua tangki fiber, dua pam dan paip hos dianggarkan bernilai RM11,520 dalam operasi itu bagi siasatan.

Suspek berusia 40-an menerima upah sebanyak RM150

HARI : RABU  
TARIKH : 19/10/2022  
M/SURAT : 4



**ILLEGAL  
DIESEL  
STORAGE ...**

Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry chief enforcement officer A. Mogan at the Bukit Miryak exhibit storage area in Bukit Mertajam, Penang yesterday with a modified 550-litre tank used to transport subsidised diesel illegally.

— MASRY CHE ANI/THESUN

## Deepavali suram, minyak peket kurang

**GEORGE TOWN** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menangani segera isu kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi sempena sambutan perayaan Deepavali.

Pegawai Penyelidiknya, N. V. Subbarow berkata, pengguna terutama suri rumah berketurunan India mendakwa mereka sukar untuk mendapatkan minyak peket untuk persiapan membuat kuih raya Deepavali sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, CAP menerima lebih 10 aduan pengguna di negeri ini mengenai kepayahan untuk membeli sekurang-kurangnya sebungkus minyak peket di pasaran ketika ini.

Tinjauan CAP di premis sekitar daerah Barat Daya dan Timur Laut mendapati ramai

peniaga memberitahu mereka yang minyak masak peket telah habis sebaik sahaja dilihat pembekal pada hari Isnin.

"Mereka beritahu yang lazimnya bekalan itu akan habis dibeli pembeli kurang tempoh sehari atau hanya beberapa jam sahaja kedai beroperasi."

"Dakwa mereka, ini kerana permintaan tinggi dalam kalangan wanita India yang sibuk membuat persiapan Deepavali," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Katanya, kesukaran pembelian minyak masak peket bersubsidi lebih ketara berlaku pada Ahad atau hujung minggu.

Bagaimanapun *Kosmo!* difahamkan, urusan penghantaran bekalan minyak peket bersubsidi ke premis-premis peruncitan tidak berlaku pada hari Ahad memandangkan jatuh hari cuti atau rehat pekerja khususnya pembekal.



SEORANG pembantu kedai runcit menunjukkan baki bekalan minyak masak peket bersubsidi di premisnya di Jalan Penang, George Town semalam.

HARI : RABU  
TARIKH : 19/10/2022  
M/SURAT : 16



• Ayam	<b>RM7.49</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM38</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM50.90</b>

• Telur Gred A	<b>RM13.35</b>
• Ikan Kembung	<b>RM13.50</b>
• Minyak Masak	<b>RM6.70</b>

• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM2.89</b>
• Bawang Putih	<b>RM4.99</b>

• Cili Merah	<b>RM0.00</b>
• Kubis Tempatan	<b>RM3.29</b>
• Tepung Gandung	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



OLEH WAI TEE  
Penulis Bebas

Mariyah mari, pergi mengundi,  
jangan lupa kewajipan pada  
negara. Masih ingat lagu itu?  
Lagu dendangan Mohd Hashim  
Shariff atau lebih popular dengan nama  
Rocky Din, mula diperkenalkan pada 1978.  
Lagu itu masih tetap berbisa dan apabila  
ia berkumandang bermakna Pilihan Raya  
Umum (PRU) sudah tiba, rakyat Malaysia  
sudah bersedia untuk membuang undi.

Lagu berhantu itu menjadi salah satu  
faktor kejayaan kempen PRU. Walaupun  
peratus mengundi kadang-kadang rendah  
di sesebuah kawasan tetapi kejayaan  
kempen itu perlu diakui.

Begitu juga dengan Kempen Anti  
Denggi dan yang terbaru Kempen  
Vaksinasi Covid-19. Ketiga-tiga kempen  
ini boleh diiktiraf sebagai kempen yang  
berjaya dari sudut penerimaan dan  
hasilnya. Mungkin kerana kempen itu tidak  
memerlukan kos di pihak rakyat atau  
mungkin juga kerana kempen itu tidak  
melibatkan nyawa, hidup dan mati.

Namun, metaksanakan kempen  
bukanlah sesuatu yang mudah kerana  
kempen meminta pengguna merubah  
gaya hidup. Lebih mencabar apabila  
sesuatu kempen itu meminta orang  
mengeluarkan wang mereka sendiri. Inilah  
yang menghambat Kempen Beli Barang  
Malaysia (KBBM), namun sejauh mana  
efektifnya kempen tersebut sebenarnya  
bergantung kepada dari sudut mana ia  
diukur dan dinilai.

Kempen tidak sama dengan majlis  
pelancaran atau perayaan. Kempen  
selalunya melibatkan usaha atau gerakan  
yang mempengaruhi sikap, tingkah laku  
dan kepercayaan golongan yang  
disasarkan.

Kempen memerlukan strategi jangka  
pendek dan jangka panjang, mengambil  
kira berbagai aspek termasuk demografi  
dan psikologi golongan sasaran. Kempen  
bukan majlis atau 'one-off event', tidak  
boleh diukur dengan jumlah kehadiran  
se sebuah koncert artis terkenal.

Kempen mestilah mempunyai  
matlamat yang jelas dan merupakan  
langkah pertama dalam perancangan  
strategik. Matlamat yang jelas akan  
memberikan hala tuju yang sistematis.

Perancangan strategik sesuatu  
kempen akan merangkumi pelaksanaan  
yang menyeluruh melibatkan semua  
golongan sasar dan komunikasi strategik  
di semua peringkat. Selalunya, kempen  
yang berjaya mempunyai slogan, cogan  
kata, iklan yang menarik dan lagu berhantu  
yang akan meresap dalam minda dan jiwa  
orang ramai.

## Erti sebuah kempen

KEMPELN BELI  
**BARANGAN**  
**MALAYSIA**

#barangbelibarangnya

Minang membeli minang membeli  
Belanjakan Jadi Bersemangat

Kualiti okay harga lagi okay  
Belanjakan Jadi Bersemangat

MAHAL KEZ? PRODUK JAHARAH DAN SPAZ TAKLAH LAMBUKOK

Kelau Tak Kita SIAPA LAGI? Belanjakan Jadi Bersemangat

“ Melaksanakan kempen bukanlah sesuatu yang mudah kerana kempen  
meminta pengguna merubah gaya hidup. Lebih mencabar apabila  
sesuatu kempen itu meminta orang mengeluarkan wang mereka sendiri. ”

Pelaksanaan serta komunikasi ini  
mestilah dipantau dan dinilai secara  
berkala untuk melihat bibit kejayaan atau  
kegagalan sebelum pelan tindakan  
perbaikan ditentukan serta dilaksanakan.

KBBM adalah satu kempen penuh  
cabaran. Walaupun telah dilaksanakan  
sejak 38 tahun dahulu, kerajaan tidak akan  
jemu malah peruntukan demi peruntukan  
diberi. Bajet tahun 2022 menyediakan  
RM20 juta, untuk 2023 pula sebanyak  
RM10 juta.

United Kingdom popular dengan 'Buy  
British First', 'Australian's First' di Australia  
manakala Amerika terkenal dengan '@  
BuyUSA1st'. Semua negara pengeluar  
mempunyai kempen yang serupa. Di  
samping meningkatkan barangan  
tempatan, ia juga bertujuan membantu  
usahawan tempatan memasarkan produk  
termasuk di pasaran antarabangsa.

Di samping meningkatkan prestasi  
produk dan usahawan tempatan, kempen  
ini adalah manifestasi sebenar semangat  
patriotisme rakyat dalam memberi  
keutamaan terhadap barangan tempatan  
ketika berbelanja dan membeli-belah.  
Tidak salah, kan? Kalau bukan kita sendiri,  
siapa lagi?

### Cabaran produk tempatan

Pembeli tidak akan sokong atau  
membeli jika produk tempatan tidak  
berkualiti dan tidak dikenali. Ini cabaran  
pertama dan usahawan tempatan harus

.bangkit menyedari hakikat ini.

'Best man wins', hanya yang terbaik  
akan menang. Terbaik dari segi kualiti,  
pemasaran dan penawaran. Produk yang  
berkualiti tidak akan ke mana jika  
pemasaran dan penawaran tidak  
berupaya mencuri perhatian pelanggan.

Cabaran yang bukan calang-calang  
ditulur oleh Bahagian Pembangunan  
Perniagaan (BPP) KPDNHEP dalam  
mempromosi KBBM. Peran mereka  
amat mencabar dalam meyakinkan  
usahawan tempatan melonjakkan produk  
mereka setaraf produk antarabangsa,

pada masa sama menjadi perundung  
memastikan pembungkusan produk  
tempatan menepati piawaian  
antarabangsa.

### Cabaran pemasaran

Memasarkan produk tempatan  
merupakan satu cabaran getir. Kos  
sewaa premis di pusat membeli-belah  
ternama, caj penempatan (placement fee)  
di pasar raya popular, malah 'marketplace'  
dalam talian juga antara kekangan yang  
menghantui produk dan usahawan  
tempatan.

Ini merupakan komponen utama  
KBBM di mana peruntukan yang diterima  
digunakan untuk menempatkan produk  
tempatan di premis, dan rak jualan  
hypermarket dan pasar raya ternama  
yang biasanya dimiliki oleh pelaburasing.  
Sehingga kini banyak produk dan

ramai usahawan tempatan telah dibantu  
oleh KBBM dalam menempatkan  
barang mereka di rak-rak pasar raya  
dan 'mall' setanding dengan barang  
antarabangsa.

Ada di antara produk tersebut telah  
berkembang sehingga berjaya mencapai  
jualan berjuta ringgit setahun. Ada juga  
yang telah dibawa oleh operator pasar  
raya ke luar negara tempat di mana  
mereka beroperasi.

KBBM pada 2020 telah menyaksikan  
penjualan barangan tempatan bernilai  
RM3.3 billion, namun turun sekitar RM3.08  
billion pada 2021. Di pasaran dalam talian  
pula, tahun 2020 mencatatkan jualan  
RM145 juta dengan jumlah Stock Keeping  
Unit (SKU) 281,864 produk tempatan,  
manakala pada 2021 mencatatkan jualan  
RM142 juta dengan SKU berjumlah  
1,070,340.

### Cabaran pembeli tempatan

Penjualan produk tempatan telah  
meningkat saban tahun seiring dengan  
kempen yang dijalankan. Bagaimanapun,  
KBBM harus terus berjalan dan  
dipromosikan kerana kehadiran produk  
baharu dan lahirnya usahawan tempatan  
yang masih perlu dibimbangi.

Sudah tiba masa KBBM diadakan  
pada skala mega dengan menempatkan  
semua produk Malaysia yang berkualiti  
seperti automotif, alat sukan, pakaian,  
kasut, fesyen, suplemen kesihatan,  
perabot, makanan dan lain-lain dalam  
satu 'showcase' meliputi pameran,  
pertunjukan dan padanan pemilagaan  
untuk menonjolkan kualiti serta  
penampilan.

Sudah tiba masanya kita menyokong  
dan bangga dengan produk tempatan.  
Bersediakah anda?

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Oct	Eight items in festival's ceiling price scheme this year	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/18/eight-items-in-festivals-ceiling-price-scheme-this-year">https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/18/eight-items-in-festivals-ceiling-price-scheme-this-year</a>	THESTAR
19-Oct	Eight items listed under Deepavali price control	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/201059/eight-items-listed-under-deepavali-price-control">https://www.dailyexpress.com.my/news/201059/eight-items-listed-under-deepavali-price-control</a>	DAILYEXPRESS
19-Oct	Peniaga, pengguna pening bekalan telur tak menentu	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/peniaga-pengguna-pening-bekalan-telur-tak-menentu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/peniaga-pengguna-pening-bekalan-telur-tak-menentu/</a>	UM
19-Oct	KPDNHEP Sarawak beri jaminan bekalan ayam telur untuk Deepavali mencukupi	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/18/kpdnhep-sarawak-beri-jaminan-bekalan-ayam-telur-untuk-deepavali-mencukupi">https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/18/kpdnhep-sarawak-beri-jaminan-bekalan-ayam-telur-untuk-deepavali-mencukupi</a>	UTUSANBORNEO
19-Oct	Bekalan minyak masak paket di Pulau Pinang berkurangan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2022/10/1013691/bekalan-minyak-masak-paket-di-pulau-pinang-berkurangan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2022/10/1013691/bekalan-minyak-masak-paket-di-pulau-pinang-berkurangan</a>	BH
19-Oct	Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi masih berfungsi walau Parlimen dibubarkan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013800/pasukan-khas-jihad-tangani-inflasi-masih-berfungsi-walau-parlimen">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013800/pasukan-khas-jihad-tangani-inflasi-masih-berfungsi-walau-parlimen</a>	BH
19-Oct	KPDNHEP   34,000 Liter Diesel Bersubsidi Dirampas	<a href="https://youtu.be/YLF_IYT2qt0">https://youtu.be/YLF_IYT2qt0</a>	BULETINTV3
19-Oct	Upah RM150 seleweng diesel	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893768/upah-rm150-seleweng-diesel">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893768/upah-rm150-seleweng-diesel</a>	HM

19-Oct	Warga emas sara diri hasil wang seleweng diesel	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893750/warga-emas-sara-diri-hasil-wang-seleweng-diesel">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/893750/warga-emas-sara-diri-hasil-wang-seleweng-diesel</a>	HM
19-Oct	Ceiling price for chicken remains at RM9.40 per kg: KPDNHEP	<a href="https://www.thesundaily.my/local/ceiling-price-for-chicken-remains-at-rm940-per-kg-kpdnhep-EB10003227">https://www.thesundaily.my/local/ceiling-price-for-chicken-remains-at-rm940-per-kg-kpdnhep-EB10003227</a>	THESUNDAILY
19-Oct	KPDNHEP beri amaran jangan naikkan harga ayam	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013870/kpdnhep-beri-amaran-jangan-naikkan-harga-ayam">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013870/kpdnhep-beri-amaran-jangan-naikkan-harga-ayam</a>	BH
19-Oct	Harga ayam masih di bawah kawalan harga maksimum: KPDNHEP	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226536">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226536</a>	SH
19-Oct	KPDNHEP pandang serius laporan media mengenai kenaikan harga runcit ayam	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49177-kpdnhep-pandang-serius-laporan-media-mengenai-kenaikan-harga-runcit-ayam">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49177-kpdnhep-pandang-serius-laporan-media-mengenai-kenaikan-harga-runcit-ayam</a>	BERITARTM
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum – KPDNHEP	<a href="https://www.melakahariini.my/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep/">https://www.melakahariini.my/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep/</a>	MELAKAHARINI
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum - KPDNHEP	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep-386591%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep-386591%3famp=1</a>	ASTROAWANI
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum: KPDNHEP	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep-IB10002857">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep-IB10002857</a>	THESUNDAILY
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum, kata kementerian	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/406867">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/406867</a>	THEMALAYSIANINSIGHT

19-Oct	KPDNHEP Pandang Serius Kenakan Harga Runcit Ayam	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdnhep-pandang-serius-kenakan-harga-runcit-ayam/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdnhep-pandang-serius-kenakan-harga-runcit-ayam/</a>	BULETINTV3
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/18/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum">https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/18/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan-maksimum</a>	UTUSANBORNEO
19-Oct	Harga ayam masih dibawah paras kawalan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/10/18/harga-ayam-masih-dibawah-paras-kawalan/">https://www.kosmo.com.my/2022/10/18/harga-ayam-masih-dibawah-paras-kawalan/</a>	KOSMO
19-Oct	Harga ayam runcit dibawah harga kawalan maksimum	<a href="https://dayakdaily.com/harga-ayam-runcit-dibawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep/">https://dayakdaily.com/harga-ayam-runcit-dibawah-harga-kawalan-maksimum-kpdnhep/</a>	DAYAKDAILY
19-Oct	Harga runcit ayam masih dibawah kawalan maksimum	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum/">https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum/</a>	UM
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum - KPDNHEP	<a href="https://www.borneo.network/2022/10/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan.html">https://www.borneo.network/2022/10/ayam-masih-dijual-bawah-harga-kawalan.html</a>	BORNEO.NETWORK
19-Oct	Ceiling price for chicken remains at RM9.40 per kg	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2022/10/18/ceiling-price-for-chicken-remains-at-rm9-40-per-kg/">https://harakahdaily.net/index.php/2022/10/18/ceiling-price-for-chicken-remains-at-rm9-40-per-kg/</a>	HARAKAHDAILY
19-Oct	Harga runcit ayam masih dibawah kawalan maksimum	<a href="https://wartaoriental.com/2022/10/18/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum%EF%BF%BC/">https://wartaoriental.com/2022/10/18/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum%EF%BF%BC/</a>	WARTAORIENTAL
19-Oct	Harga runcit ayam masih dibawah kawalan maksimum	<a href="https://www.melaysiakini.com/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum-60869.html">https://www.melaysiakini.com/harga-runcit-ayam-masih-di-bawah-kawalan-maksimum-60869.html</a>	MELAYSIAKINI
19-Oct	Ayam masih dijual bawah harga kawalan maksimum	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130193">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130193</a>	BERNAMA

19-Oct	Ceiling price for chicken remains at RM9.40 per kg	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2130233">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2130233</a>	BERNAMA
19-Oct	BERITA WILAYAH-KPDNHEP MELAKA-CATAT NILAI RAMPASAN RM4.5 JUTA	<a href="https://youtu.be/qbJD3Ildno">https://youtu.be/qbJD3Ildno</a>	BERITARTM
19-Oct	KPDNHEP: Lebih 68 produk franchise tempatan tembusi 74 negara	<a href="https://selangorkini.my/2022/10/kpdnhep-lebih-68-produk-francais-tempatan-tembusi-74-negara/">https://selangorkini.my/2022/10/kpdnhep-lebih-68-produk-francais-tempatan-tembusi-74-negara/</a>	SELANGORKINI
19-Oct	KPDNHEP akan bawa lebih banyak francais tempatan ke pasaran antarabangsa	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130221">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130221</a>	BERNAMA
19-Oct	KPDNHEP lancar misi perdagangan ke Manila	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kpdnhep-lancarkan-misi-perdagangan-ke-manila/">https://suaramerdeka.com.my/kpdnhep-lancarkan-misi-perdagangan-ke-manila/</a>	SUARAMERDEKA
19-Oct	Bekalan telur ayam kurang di peringkat peruncit	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226568">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226568</a>	SH
19-Oct	Misi Perdagangan Francais Malaysia Ke Manila, Filipina	<a href="https://m.malaysiakini.com/announcement/640121">https://m.malaysiakini.com/announcement/640121</a>	MALAYSIAKINI
19-Oct	Misi Perdagangan Francais Malaysia Ke Manila, Filipina	<a href="https://siakapkeli.my/2022/10/18/misi-perdagangan-francais-malaysia-ke-manila-filipina/">https://siakapkeli.my/2022/10/18/misi-perdagangan-francais-malaysia-ke-manila-filipina/</a>	SIAKAPKELI
19-Oct	Domestic Trade Ministry: More Malaysian franchise products to penetrate international market	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/money/2022/10/18/domestic-trade-ministry-more-malaysian-franchise-products-to-penetrate-international-market/34354">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/money/2022/10/18/domestic-trade-ministry-more-malaysian-franchise-products-to-penetrate-international-market/34354</a>	MALAYMAIL
19-Oct	Tak sempat terima upah pertama sudah dicekup seleweng diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/10/18/tak-sempat-terima-upah-pertama-sudah-dicekup-seleweng-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2022/10/18/tak-sempat-terima-upah-pertama-sudah-dicekup-seleweng-diesel/</a>	KOSMO
19-Oct	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022.	<a href="https://www.facebook.com/31373189944/posts/10152509878654945/">https://www.facebook.com/31373189944/posts/10152509878654945/</a>	FB
19-Oct	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022.	<a href="https://www.instagram.com/p/Cjz0svpthU3/">https://www.instagram.com/p/Cjz0svpthU3/</a>	IG

19-Oct	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022.	<a href="https://twitter.com/mkini_bm/status/1581938876540936193">https://twitter.com/mkini_bm/status/1581938876540936193</a>	TWITTER
19-Oct	Pasukan Jihad Tangani Inflasi masih berfungsi - Annuar	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013845/pasukan-jihad-tangani-inflasi-masih-berfungsi-annuar">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1013845/pasukan-jihad-tangani-inflasi-masih-berfungsi-annuar</a>	BH
19-Oct	Annuar Musa: Special task against inflation functioning as usual	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/18/annuar-musa-special-task-against-inflation-functioning-as-usual/34296">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/18/annuar-musa-special-task-against-inflation-functioning-as-usual/34296</a>	MALAYMAIL